

## UNDANG-UNDANG JENAYAH SYARIAH: SUATU SOROTAN BERHUBUNG KESALAHAN AKHLAK

**Azizah Binti Mat Rashid, Nor 'Adha Binti Abd Hamid**  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)  
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor  
[azizahrashid@kuis.edu.my](mailto:azizahrashid@kuis.edu.my), [noradha@kuis.edu.my](mailto:noradha@kuis.edu.my)

### ABSTRAK

*Akhlak merupakan asas dalam pembentukan tamadun Islam. Kepentingannya telah terbukti dengan kecemerlangan pembentukan masyarakat di bawah pimpinan Rasulullah saw dan para sahabat. Kertas kerja ini bertujuan mengkaji kaedah penyelesaian masalah keruntuhan akhlak di Malaysia dan menjelaskan beberapa undang-undang yang mengawal selia permasalahan ini seperti Undang-undang Jenayah Syariah di Malaysia. Perbincangan dilakukan dengan menganalisis dokumen seperti buku, peruntukan undang-undang, kajian kes, jurnal dan artikel berkaitan. Penulis berpendapat tidak banyak perbincangan berhubung penyelesaian masalah kerosakan akhlak dibincangkan menurut perspektif undang-undang. Walaubagaimanapun, penulis mendapati bahawa terdapat undang-undang yang memperuntukkan tentang kesalahan berkaitan akhlak yang boleh digunakan bagi menangani kes keruntuhan akhlak yang semakin berleluasa seperti Kanun Keseksaan dan Undang-undang Kesalahan Jenayah Syariah yang akan diperincikan bagi mencari langkah bersesuaian menangani kesalahan berhubung akhlak dalam masyarakat.*

**Kata Kunci:** *akhlak, undang-undang jenayah syariah, kesalahan, keruntuhan.*

---

### 1. Pengenalan

Akhlak adalah satu cabang ilmu yang perlu dituntut oleh setiap individu kerana setiap perlakuannya akan dipandu oleh nilai akhlak yang ada pada seseorang itu. Individu berakhlak mulia akan membentuk masyarakat yang bebas dari masalah sosial. Menurut Imam al-Ghazali, akhlak boleh difahami sebagai sifat yang tertanam dalam jiwa seseorang yang daripadanya muncul perlakuan dan tindak tanduk secara mudah tanpa memerlukan banyak pertimbangan dan daya fikir yang lama (Zainal Keling, 2008). Kajian tentang akhlak bukanlah merupakan satu bidang kajian baru untuk diterokai, malah terdapat pelbagai kajian yang menyentuh pelbagai aspek telah dilakukan bagi mencari penyelesaian terhadap masalah keruntuhan akhlak dengan menjadikan Rasulullah saw sebagai model terbaik. Ini selari dengan firman Allah SWT dalam surah al-Qalam, ayat 4 yang bermaksud “Dan sesungguhnya kamu benar-benar berakhlak mulia”. Ayat ini menjelaskan bahawa akhlak Rasulullah saw adalah semulia-mulia dan seindah-indah akhlak kerana ia adalah manifestasi akhlak yang dituntut oleh syariat (Dr Mustafa Bugha dan Muhyiddin Misto, 1998). Kebenaran ini turut diperakui melalui sebuah hadis bahawa Saidatina Aishah r.a pernah ditanya berkenaan akhlak Rasulullah saw, maka beliau menjawab “Akhlak Rasulullah saw adalah al-Quran” (riwayat Bukhari dan Muslim). Jawapan ini jelas menunjukkan bahawa akhlak merupakan unsur yang sangat primer dan tidak harus dipandang remeh.

Rasulullah saw turut bersabda yang bermaksud “Bertakwalah kepada Allah swt di mana sahaja kamu berada. Susulilah keburukan dengan kebaikan yang akan menghapuskan

keburukan itu. Bergaullah dengan manusia dengan akhlak yang baik". (riwayat Tirmizi). Antara pengajaran hadis ini ialah di antara kesempurnaan iman dan sifat orang-orang yang bertakwa ialah akhlak yang mulia dan baik ketika berbicara dan bergaul dengan manusia. Di antara kesempurnaan takwa ialah membenci ahli maksiat dan menjauhi mereka yang tidak mematuhi perkara makruf yang dianjurkan kepada mereka dan tidak berhenti daripada kemungkaran (Dr Mustafa Bugha dan Muhyiddin Misto (1998).

Menyedari masalah keruntuhan akhlak yang semakin berleluasa dan membimbangkan, ramai pihak dari pelbagai latar belakang mengkaji punca yang membawa kepada permasalahan tersebut dan mencadangkan beberapa langkah penyelesaian. Namun, bagi melihat sejauh mana cadangan-cadangan tersebut dilaksanakan, ia mungkin memerlukan satu kajian khusus. Meskipun beberapa kajian dan cadangan telah dikemukakan dalam menangani masalah ini, namun penulis berpandangan bahawa kajian perlu dilakukan secara berterusan agar langkah penyelesaian dilakukan secara holistik meliputi pelbagai sudut. Justeru, penulis membuat satu kajian perundangan bagi melihat apakah bentuk penyelesaian yang boleh dilakukan bagi menangani masalah berkaitan akhlak. Bagi maksud penulisan ini, penulis memfokuskan kajian terhadap undang-undang Jenayah Syariah di beberapa buah negeri di Malaysia seperti Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan, Kelantan, Terengganu, Negeri Sembilan, Melaka dan Kedah.

## **2. Isu dan Kesalahan Akhlak di Malaysia**

Islam menitikberatkan pengajaran akhlak dan ia mendapat kedudukan yang tinggi di dalam Islam kerana para Rasul sendiri telah diutuskan untuk menyempurnakan akhlak. Maka Islam telah menyusun dengan begitu rapi kaedah dan sistem akhlaknya sehingga tidak dapat ditandingi oleh agama yang lain di dunia ini (Abdul Hafiz Mat Tuah, Zakaria Stapa dan Ahmad Munawar, 2012). Memandangkan akhlak merupakan agenda penting yang mendasari pengutusan Rasulullah saw, maka ia tidak wajar dipandang remeh dalam membentuk sesebuah masyarakat Islam. Tambahan lagi, pelbagai masalah sosial di kalangan remaja yang dilaporkan dengan pelbagai kes telah menunjukkan bahawa masyarakat Malaysia sedang menghadapi masalah keruntuhan akhlak yang sangat membimbangkan. Menurut satu laporan akhbar dalam talian yang pernah dilaporkan, Laporan rasmi Jabatan Pendaftaran Negara sejak 2008 hingga 2012 yang mana mendedahkan bahawa terdapat kira-kira 167,073 bayi yang direkodkan kelahirannya tanpa maklumat bapa. Ini bermakna secara purata 33,415 bayi dilahirkan dalam tempoh setahun, 2,784 bayi (sebulan), 93 bayi (sehari) dan empat bayi (sejam). Statistik itu dijangka lebih tinggi jika mengambil kes membabitkan pengguguran haram atau pembuangan bayi yang dipaparkan tetapi tidak direkodkan (berita harian online, 21/3/2013). Peningkatan statistik kelahiran anak tak sahtaraf membuktikan bahawa Malaysia sedang mengalami krisis akhlak yang sangat serius dan perlu ditangani segera.

Kelahiran anak tak sahtaraf merupakan kesalahan paling serius berhubung akhlak kerana ia telah merosakkan nasab dan bertentangan dengan ajaran Islam dalam mengembangkan zuriat secara halal. Kelahiran anak tak sahtaraf juga turut menyumbang kepada perbuatan jenayah lain seperti buang bayi atau perbuatan lain yang boleh menyumbang kepada kes penderaan, kematian dan sebagainya yang bertentangan dengan prinsip memelihara maqasid syariah iaitu memelihara nyawa, nasab, maruah, aqal dan harta. Perbuatan tidak sopan di khalayak ramai dan berkhawat bertentangan dengan prinsip perlindungan terhadap maruah diri manakala perbuatan zina dan hamil luar nikah jelas merupakan perbuatan yang boleh merosakkan kesucian nasab dalam Islam. Anak tak sahtaraf adalah anak yang dilahirkan melalui kehamilan luar nikah dan dalam kebanyakan kes, anak ini akan dibuang yang akhirnya

menyebabkan kematian. Perlakuan ini jelas menyalahi prinsip perlindungan terhadap nyawa yang sepatutnya dipelihara dan diberi keutamaan.

Kajian mendapati bahawa penglibatan remaja perempuan dengan aktiviti seks sangat berisiko mengundang kepada kehamilan luar nikah di samping jangkitan HIV/AIDS dan jangkitan seksual yang lain (Sarnon, N., Mohamad, M. S, Fauziah, I, Alavi, K., Nen, S., Hoesni, S.M, Zaizul, R., Wan Azreena, J.ABS, 2012). Pendedahan ini sewajarnya menjadi satu bentuk amaran kepada semua pihak kerana perlakuan yang melibatkan remaja Islam telah mencemarkan kesucian ajaran agama Islam yang mengecam perbuatan terkutuk sedemikian. Maka usaha menangani masalah seperti ini perlu digandakan agar perlindungan terhadap maqasid syariah terus terpelihara.

### 3. Undang-Undang Jenayah Syariah di Malaysia

Dr. Siti Zubaidah Ismail, (2013) dalam merujuk kepada Fuqaha' seperti Ibn Abidin dan Ibn Humman menjelaskan bahawa kesiksaan ataupun hukuman wajar dilihat sebagai satu mekanisme pencegahan daripada melakukan sesuatu kesalahan dan pembalasan selepas melakukannya. Ini selaras dengan pandangan Prof. Dr. Yusuf Al-Qardhawi (2012) berhubung peranan masyarakat terhadap akhlak secara perlindungan melalui undang-undang. Berdasarkan pandangan ini juga, penulis telah membuat kajian perundangan bagi melihat sama ada wujud peruntukan undang-undang berkaitan akhlak. Bagi tujuan tersebut, penulis telah memfokuskan kajian terhadap undang-undang jenayah syariah di beberapa buah negeri kerana menurut Paizah Haji Ismail (2007), kuasa pelaksanaan undang-undang Islam di Malaysia adalah terletak di bawah bidangkuasa negeri. Ini selaras dengan Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan bahawa hal-ehwal Islam adalah terletak di bawah bidang kuasa negeri. Maka, Undang-undang Islam yang terdiri daripada pelbagai cara telah dikanunkan di peringkat negeri termasuklah Undang-undang Jenayah Syariah. Dr. Siti Zubaidah Ismail (2013) menjelaskan bahawa apa yang dimaksudkan dengan Undang-Undang Jenayah Islam di Malaysia ialah peruntukan-peruntukan tentang hukum jenayah Islam di bawah kuasa-kuasa Mahkamah Syariah di negeri-negeri di Malaysia. Hasil kajian mendapati bahawa undang-undang tersebut memperuntukkan beberapa kesalahan sebagaimana jadual berikut:

Enakmen	Seksyen Berkaitan
1. Enakmen Jenayah Syariah Negeri Selangor 1995  Bahagian IV - Kesalahan Yang Berhubungan Dengan Kesusilaan	Seksyen 22. Perbuatan sumbang mahram. Seksyen 23. Pelacuran. Seksyen 25. Persetubuhan luar nikah. Seksyen 26. Perbuatan sebagai persediaan untuk melakukan persetubuhan luar nikah. Seksyen 29. Khalwat. Seksyen 31. Perbuatan tidak sopan di tempat awam.
2. Enakmen Kanun Jenayah Syariah Negeri Kelantan 1985  Bahagian II - Kesalahan-Kesalahan	Seksyen 5. Perbuatan tidak sopan. Seksyen 6. Perkataan tidak sopan. Seksyen 9. Khalwat. Seksyen 10. Berkelakuan sumbang. Seksyen 11. Zina. Seksyen 12. Mukadimah zina. Seksyen 13. Bersubahat melakukan kesalahan

		<p>zina.  Seksyen 16. Hamil luar nikah.  Seksyen 19. Melacurkan diri.  Seksyen 21. Menjual atau memberi anak.</p>
3.	<p>Enakmen Kesalahan Jenayah Shariah (Takzir) (Terengganu) 2001</p> <p>Bahagian IV - Kesalahan Yang Berhubungan Dengan Kesusilaan</p>	<p>Seksyen 25. Perbuatan sebagai persediaan untuk melacurkan diri.  Seksyen 29. Perbuatan sebagai persediaan untuk melakukan persetubuhan luar nikah.  Seksyen 31. Khalwat.  Seksyen 34. Perbuatan tidak sopan di tempat awam.  Seksyen 35. Mendedahkan tubuh di tempat awam.  Seksyen 36. Mewatie.</p>
4.	<p>Enakmen Kesalahan Jenayah Shariah 1997</p> <p>Bahagian IV - Kesalahan Yang Berhubungan Dengan Kesusilaan</p> <p>(Wilayah Persekutuan)</p>	<p>Seksyen 20. Perbuatan sumbang mahram.  Seksyen 21. Pelacuran.  Seksyen 23. Persetubuhan luar nikah.  Seksyen 24. Perbuatan sebagai persediaan untuk melakukan persetubuhan luar nikah.  Seksyen 27. Khalwat.  Seksyen 29. Perbuatan tidak sopan di tempat awam.</p>
5.	<p>Enakmen Undang-Undang Jenayah Shariah Negeri Sembilan 2004</p> <p>Darihal Kesalahan Mengenai Kehormatan Diri</p>	<p>Seksyen 60. Persetubuhan haram.  Seksyen 61. Percubaan persetubuhan haram.  Seksyen 66. Lelaki berlagak seperti perempuan.  Seksyen 67. Perbuatan tidak sopan.  Seksyen 69. Melacurkan diri.  Seksyen 75. Hamil luar nikah.</p>
6.	<p>Enakmen Kesalahan (Negeri Melaka) 1991</p> <p>Bahagian IV - Kesalahan-Kesalahan Lain</p>	<p>Seksyen 52. Percubaan persetubuhan haram.  Seksyen 53. Bersekediaman.  Seksyen 54. Hamil di luar nikah.  Seksyen 55. Bersubahat melakukan kesalahan persetubuhan haram.  Seksyen 71. Perbuatan tidak sopan.  Seksyen 75. Melacurkan diri.</p>
7.	<p>Enakmen Jenayah (Syariah) 1992</p> <p>Bahagian VI - Kesalahan</p>	<p>Seksyen 46. Melacurkan diri.  Seksyen 48. Persetubuhan haram.  Seksyen 49. Percubaan persetubuhan haram.  Seksyen 50. Hamil luar nikah.  Seksyen 51. Bersekedudukan.</p>

Berhubungan Dengan Maruah Diri	Seksyen 56. Mendedahkan tubuh, di tempat awam. Seksyen 57. Perbuatan tak sopan.
8. Enakmen Undang-undang Jenayah Syariah Negeri Kedah  Bahagian II - Kesalahan- Kesalahan	Seksyen 5. Perbuatan tidak sopan. Seksyen 6. Perkataan tidak sopan. Seksyen 9. Khalwat. Seksyen 10. Berkelakuan sumbang. Seksyen 11. Zina. Seksyen 12. Muqaddimah zina. Seksyen 16. Hamil luar nikah. Seksyen 19. Melacurkan diri.

Penulisan ini mendapati bahawa kesalahan-kesalahan disenaraikan dalam jadual di atas terdapat dalam kebanyakan enakmen kesalahan jenayah syariah negeri-negeri. Kesemua kesalahan tersebut dirumuskan sebagai kesalahan berhubung maruah diri dan ia mempunyai perkaitan antara satu sama lain. Ini bermaksud, sekiranya penguatkuasaan undang-undang tidak dilakukan terhadap kesalahan-kesalahan yang lebih ringan seperti perbuatan tidak sopan, ia boleh menjadi penyebab kepada perlakuan kesalahan yang lebih besar seperti hamil luar nikah.

Berhubung kesalahan-kesalahan yang terdapat dalam undang-undang jenayah Islam, penulis berpandangan bahawa kebanyakan individu dalam masyarakat tidak mempunyai pengetahuan atau dalam banyak hal, tidak mengambil berat tentang kewujudan peruntukan-peruntukan tersebut menyebabkan mereka melakukan perbuatan-perbuatan tersebut tanpa rasa bersalah atau menyedari bahawa ia adalah satu kesalahan di sisi undang-undang syariah. Penulis berpandangan bahawa pemahaman dan kesedaran itu amat penting dan perlu diterapkan terlebih dahulu kepada setiap anggota masyarakat. Bagi mencapai maksud tersebut, adalah disarankan supaya pihak yang bertanggungjawab bersungguh-sungguh melakukan usaha menyampaikan maklumat, memberi kefahaman dan menimbulkan kesedaran masyarakat terhadap implikasi undang-undang berkaitan. Walaupun kebanyakan kes berkaitan akhlak yang dilaporkan melibatkan golongan remaja, namun usaha menyampaikan maklumat dan memberi kesedaran tentang implikasi undang-undang tidak hanya mensasarkan golongan tersebut. Ia perlu meliputi ibu bapa dan penjaga yang turut bertanggungjawab terhadap segala perlakuan anak-anak dan mereka yang berada di bawah jagaan mereka. Keberkesanan mekanisme penyampaian maklumat dan kaedah memberi kesedaran juga perlu diberi perhatian agar objektif dan matlamatnya tercapai. Dengan adanya kefahaman dan kesedaran tersebut, masyarakat akan lebih berhati-hati dalam melibatkan diri dengan gejala sosial yang bertentangan dengan akhlak sebagaimana yang ditegah dalam Islam. Ini selaras dengan pandangan Dr. Yusuf al-Qaradhawi (2000) bahawa undang-undang adalah suatu perkara yang diperlukan untuk mengatur hal ehwal dan membataskan hubungan sesama masyarakat.

#### **4. Menangani Kesalahan Berhubung Akhlak : Langkah Awal Penyelesaian**

Pendidikan akhlak dan moral merupakan perkara penting dalam keluarga, masyarakat dan Negara. Keluarga yang harmoni dapat dibentuk apabila wujudnya budi pekerti yang baik dalam kehidupan berkeluarga. Kebahagiaan dan ketenangan dalam keluarga dapat dicapai dengan mengamalkan akhlak mulia seperti dalam rumahtangga nabi dan para sahabat.

Seterusnya keharmonian dalam Negara akan membantu perkembangan masyarakat yang sejahtera dan keamanan sesebuah Negara. (Faridah Che Husain, Fakhru Adabi Abdul Kadir, 2011). Jelasnya, akhlak yang baik bukan sekadar penting bagi kehidupan seorang individu secara mutlak tetapi ia mempunyai perkaitan secara langsung terhadap perkembangan Negara.

Kesedaran terhadap kepentingan akhlak sememangnya wujud dan direalisasikan oleh pihak kerajaan dalam pelbagai bentuk aktiviti atau pemantauan seperti pengisian kurikulum dan kokurikulum di peringkat sekolah. Ini dapat dilihat dalam agenda pelaksanaan dasar pendidikan Negara. Di Malaysia, pelajar Islam diwajibkan mengikuti Pendidikan Islam, manakala pelajar bukan Islam pula dikehendaki mengikuti Pendidikan Moral. Pendekatan yang dilakukan oleh pihak kerajaan dalam mewajibkan subjek pendidikan Islam dan Pendidikan Moral membuktikan kepentingan kedua-dua akhlak dan moral dalam agenda pembangunan sahsiah masyarakat di Malaysia (Abdul Hafiz Mat Tuah, Zakaria Stapa dan Ahmad Munawar (2012).

Usaha diatas penting bagi menerapkan ciri-ciri masyarakat Islam yang telah digariskan oleh Prof Dr. Yusuf Qardhawi bagi membentuk akhlak dan kesopanan sebagai ciri yang kelima sebuah masyarakat Islam. Ia merujuk kepada masyarakat adil, ihsan, kebajikan, kerahmatan, kebenaran, amanah, kesabaran, kesetiaan, sifat malu, kesucian, kemuliaan, tawadduk, pemurah, berani, kesatriaan, keutamaan, dedikasi, pengorbanan, bermaruah, membantu, kebersihan, berhias, berjimat, berhemat, bertolak ansur, berlembut, nasihat-menasihati, saling membantu, menjaga kehormatan, mengawal hawa nafsu, marah kerana benar, cintakan kebaikan, mendahulukan kepentingan orang lain, berbuat baik kepada kesemua makhluk terutama kepada ibu bapa, memelihara hubungan silaturrahim, menghormati jiran, menyeru manusia ke arah kebaikan, amar ma'ruf nahi munkar.... serta setiap sifat mulia, ciri-ciri terhormat dan budi pekerti yang luhur (Prof. Dr. Yusuf Al-Qardhawi, 2012).

Berdasarkan penjelasan di atas, dapat difahami bahawa peribadi masyarakat Islam dihiasi dengan ciri-ciri akhlak dan kesopanan yang sangat unggul dan tinggi nilainya. Maka, mana-mana perlakuan yang bertentangan dengan keunggulan sifat tersebut boleh mencemarkan kemuliaan ciri yang membezakan masyarakat Islam dengan masyarakat lain. Walau bagaimanapun, pelbagai masalah sosial yang berlaku dalam masyarakat kita pada hari ini menunjukkan bahawa usaha gigih perlu dilakukan bagi memelihara keunggulan akhlak dan kesopanan yang membentuk masyarakat Islam di Malaysia.

Selain pendidikan terhadap golongan anak-anak, ibu bapa juga perlu diberi pemahaman yang jelas agar mereka memahami tugas dan peranan sebagai pemimpin dalam keluarga. Mereka memainkan peranan yang utama dalam pembentukan akhlak anak-anak. Oleh itu usaha memberi kefahaman tentang kesalahan-kesalahan berkaitan akhlak dan kepentingan membentuk akhlak yang baik di kalangan anak-anak perlu diteruskan dan digandakan oleh pelbagai agensi-agensi yang berkenaan seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, melalui pelbagai bentuk dakwah atau program kemasyarakatan seperti forum, seminar, bengkel dan sebagainya.

Prof. Dr. Yusuf Al-Qardhawi menyatakan bahawa akhlak dan kesopanan dapat diterapkan dan dipelihara melalui tiga kaedah iaitu bimbingan, pemantapan dan perlindungan. Bimbingan boleh dilakukan melalui penyebaran, publisiti, media penerangan, pengetahuan, dakwah dan tunjuk ajar, manakala pemantapan pula dilakukan melalui pengajaran



jangkama panjang serta pendidikan yang mendalam sama ada di peringkat keluarga, sekolah dan universiti. Penulis tertarik dengan pandangan ulama' ini yang menjelaskan bahawa perlindungan boleh dilakukan antara lain melalui undang-undang yang dapat mencegah kerosakan sebelum ia berlaku serta menghukumnya setelah ia berlaku sebagai pengajaran terhadap orang yang menyeleweng, mendidik orang yang bermain dengan hukum dan membersihkan masyarakat dari sebarang pencemaran (Prof. Dr. Yusuf Al-Qardhawi, 2012). Pandangan ini jelas mengiktiraf undang-undang sebagai saluran yang mampu memberi perlindungan kepada masyarakat daripada bahaya kesan kerosakan akhlak. Oleh itu, usaha melahirkan masyarakat yang cakna dan perihatin dengan peraturan atau undang-undang seperti penganjuran kursus, ceramah dan penyampaian maklumat melalui media elektronik perlu dilakukan secara berkesan bagi memberi ruang kepada masyarakat untuk mendapat pendedahan yang secukupnya

## 5. Kesimpulan

Akhlak mempunyai perkaitan yang sangat rapat dengan kehidupan kerana setiap tingkah laku dan perlakuan yang ditonjolkan adalah bergantung kepada bagaimana akhlak seseorang tersebut. Akhlak juga penting dalam memelihara maqasid syariah kerana kebanyakan tingkahlaku yang membawa kepada kerosakan akhlak pada hari ini telah merosakkan maruah, nasab dan nyawa seperti zina, hamil luar nikah dan buang bayi. Kajian yang dilakukan bagi melihat kesalahan-kesalahan berhubung akhlak ini mendapati bahawa di Malaysia, kesalahan berhubung jenayah syariah diletakkan di bawah bidangkuasa negeri melalui kuasa yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan. Kesemua undang-undang tersebut mempunyai peruntukan berhubung kesalahan-kesalahan berkaitan akhlak. Namun, penulis berpandangan bahawa tidak ramai di kalangan masyarakat yang mengetahui secara terperinci tentang kewujudan peruntukan tersebut. Oleh yang demikian, pendedahan berkaitan undang-undang berserta implikasi pelanggaran terhadapnya yang merupakan satu kesalahan dan boleh dikenakan hukuman perlu dilakukan tidak hanya memfokuskan kepada golongan yang terlibat, malah turut melibatkan ibu bapa kerana mereka mempunyai tanggungjawab utama dalam mencorakkan keperibadian anak-anak khususnya yang masih di bawah umur.

## Rujukan

- Abdul Hafiz Mat Tuah; Zakaria Stapa; Ahmad Munawar, *Memperkasakan Jati Diri Melayu-Muslim Menerusi Pendidikan Islam Dalam Pengajaran Akhlak*, Jurnal Hadhari Special Edition (2012) 23-35
- Mustafa al-Bugha & Muhyiddin Misto, *Al-Wafi: Syarah Hadis 40 Imam Nawawi*, Pustaka Salam Sdn. Bhd, Cetakan Mac 1998.
- Paizah Haji Ismail, *Kedudukan Mazhab Syafi'i Dalam Undang-Undang Jenayah Islam Di Malaysia*, Jurnal Fiqh: No. 4 (2007) 237-250.
- Sarnon, N., Mohamad, M. S, Fauziah, I, Alavi, K., Nen, S., Hoesni, S.M, Zaizul, R., Wan Azreena, J.ABS. *Hamil Luar Nikah: Memahami Remaja Sebagai Asas Intervensi Keluarga*, E-Bangi Journal of Social Science and Humanities, Faculty of Social Science and Humanities, Volume 7, Number 1, 084-093, April Special- 2012.
- Siti Zubaidah Ismail. *Dasar dan Amalan Penghukuman Kes Jenayah di Mahkamah Syariah: Ke mana halatuju?* JH 27 Bhg 1 1430H.

Yusuf Al-Qardhawi, *Ciri-ciri Unggul Masyarakat Islamyang Kita Idamkan*, terj. Ustaz Mohamaz Zaini Yahaya (Penerbitan Seribu Dinar, 2012), 137.

Yusuf Al-Qaradhawi, *Kemanisan Iman*, terj Mahmud Hj. Ahmad (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2000), 311.

Zainal Kling, “*Keutuhan Budaya*” *dalam Islam Hadhari: Pendekatan Pembangunan Peradaban*, ed. Mahmood Zuhdi Hj. Ab. Majid et al, Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, 2008.

### **Statut**

Enakmen Jenayah (Syariah) 1992

Enakmen Jenayah Syariah Negeri Selangor 1995

Enakmen Kanun Jenayah Syariah Negeri Kelantan 1985

Enakmen Kesalahan (Negeri Melaka) 1991

Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001

Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1997

Enakmen Undang-undang Jenayah Syariah Negeri Kedah

Enakmen Undang-Undang Jenayah Syariah Negeri Sembilan 2004

<http://www.bharian.com.my/articles/Nasabanaktaksahtaraf/Article/15.09.2014>  
Perlembagaan Persekutuan